

Segera rawat pesakit HFMD

Penyakit daripada virus Coxsackie sebabkan radang otak, koma atau maut

Oleh Norrasyidah Arshad
bhnews@bharian.com.my

SHAH ALAM: Amalan mencuci tangan sebelum makan dalam kalangan kanak-kanak perlu dititikberatkan bagi mengelak jangkitan penyakit berjangkit.

Berikutan itu, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) Selangor, Dr Zainuddin Abdul Wahab, berkata kanak-kanak yang dikesan mengalami demam, ulser mulut serta lepuh di tapak tangan serta kaki perlu dibawa ke klinik kerana dikhuatiri dijangkiti penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD).

Katanya, ibu bapa juga perlu mengelak membawa anak mengunjungi tempat awam yang sesak seperti pusat beli-belah dan tempat permainan tertutup dalam usaha membendung penularan penyakit itu.

"Ibu bapa yang anak mereka dijangkiti simpton HFMD perlu mengasingkan anak di rumah sehingga sembuh, sekurang-kurangnya 10 hari bagi mengelak ia berjangkit dengan anak lain.

"Virus enterovirus ini mudah berjangkit. Hanya melalui sentuhan...



SEGERA bawa anak dapatkan rawatan jika ada tanda tapak kaki melepuh.

INFO

Penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD)

Tanda dan gejala:

- Demam.
- Ruam dengan lepuh di tapak tangan dan kaki.
- Ulser di tekak dan mulut.
- Sakit kepala.
- Hilang selera makan.

Cara jangkitan:

- Melalui sentuhan secara langsung dengan lelehan air hidung, tekak, air liur, cecair dari lepuhan dan najis individu yang telah dijangkiti.

Langkah pencegahan:

- Cuci tangan dengan sabun dan air bersih sebelum menyediakan makanan, selepas ke tandas, selepas menukar lampin anak dan selepas mencuci najis anak.
- Tutup mulut dan hidung dengan tisu apabila bersin atau batuk.
- Jangan berkongsi barangan peribadi seperti berus gigi, sapu tangan, tuala, cadar, cawan, sudu dan garpu.
- Elak mencium dan memeluk individu yang dijangkiti.

Langkah pencegahan bagi pengendali TASKA/TADIKA:

- Mandi dan tukar pakaian selepas pulang dari tempat kerja sebelum bermesra dengan bayi atau anak kecil.
- Cuci alat mainan, permukaan meja, kerusi dan lantai dicemari air liur anak.

tuhan najis, air liur dan lelehan hidung pesakit HFMD, virus berkenaan boleh merebak.

“Virus yang mengenai kulit lembut seperti dalam hidung, mata dan mulut menyebabkan seseorang akan terdedah penyakit ini dan dikhuatiri mengakibatkan komplikasi kepada otak dan jantung,” katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Dr Zainuddin berkata, penyakit HFMD disebabkan virus Coxsackie dan lain-lain enterovirus yang menyerang seseorang boleh menyebabkan radang otak, seterusnya membawa koma atau maut jika tidak diberi rawatan awal.

Beliau berkata, tahap keseriusan penyakit itu bergantung kepada tahap virus yang menyerang.

Antara simpton boleh dilihat bagi mengesan penyakit HFMD ialah tumbuh ruam berair di sekitar tapak tangan, tapak kaki



dan dalam mulut, demam, sakit kepala, sakit perut serta cirit-birit.

Bagaimanapun, katanya, jika terdapat ruam tanpa simpton lain, ibu bapa perlu terus membawa anak mereka mendapatkan



Virus yang mengenai kulit lembut seperti dalam hidung, mata dan mulut menyebabkan seseorang akan terdedah penyakit ini dan dikhuatiri mengakibatkan komplikasi kepada otak dan jantung

Dr Zainuddin Abdul Wahab

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
(Kesihatan Awam) Selangor

rawatan bagi mengesan penyakit lain.


“Jika ruam merebak dengan teruk dalam mulut, pesakit tidak boleh menelan makanan dan ini akan menyebabkan dehidrasi yang teruk,” katanya.

Dr Zainuddin berkata, penyakit HFMD selalunya menyerang kanak-kanak berusia bawah 10 tahun dan kumpulan golongan usia empat hingga enam tahun mudah terdedah penyakit itu.

Berikutan itu, katanya, kanak-kanak seusia itu yang tinggal di Taska atau pusat jagaan kanak-kanak lebih mudah merebak kerana kepadatan tinggi, pergaulan rapat serta perkongsian peralatan mainan sesama mereka.

“Kami menasihatkan ibu bapa yang anak mereka ada simpton HFMD supaya tidak menghantar anak ke tempat ini buat sementara waktu, sehingga mereka betul-betul sembuh,” katanya.

Beliau berkata, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan Pejabat Kesihatan Daerah akan sentiasa memantau HFMD dan memberi pendidikan kesihatan kepada pemilik Taska dan pusat jagaan dari semasa ke semasa.



PESAKIT HFMD akan melepuh di tapak tangan dan mengalami ulser di mulut.